

Surat Kami : 500-BPD(BKK. 14/3/2/3)
 Tarikh : 16 MAY 2017

Semua
 Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit/Dekan Fakulti/Rektor
 Universiti Teknologi MARA

YBhg. Datuk/Datin/Prof/Tuan/Puan

PEMAKLUMAN GARIS PANDUAN PENAJAAN BIASISWA BAGI PROGRAM SKIM LATIHAN AKADEMIK BUMIPUTERA (SLAB) / SKIM LATIHAN AKADEMIK IPTA (SLAI) / SUB KEPAKARAN (SK) / PASCA KEDOKTORAN (PD) TAHUN 2017 OLEH KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Biasiswa Kementerian Pendidikan Tinggi (JKPB KPT) Bil. 1/2017 yang bersidang pada 25 Januari 2017 telah menetapkan Garis Panduan Penajaan Biasiswa Bagi Program Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) / Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) / Sub Kepakaran (SK) / Pasca Kedoktoran (PD) Tahun 2017.

3. Garis panduan yang dikemukakan melalui surat rujukan KPT.600-4/1/1Jld 2 (28) bertarikh 8 Mac 2017 seperti yang diperincikan seperti yang berikut:

1. Permohonan hendaklah dikemukakan secara atas talian sepenuhnya bermula tahun 2017;
2. Penawaran baharu bagi tahun 2017 hanya melibatkan pengajian **dalam negara sahaja** kecuali bagi peringkat pengajian Sub Kepakaran. Pengajian di luar negara hanya bagi universiti yang berada di **kedudukan 50 terbaik dunia** oleh *Times Higher Education World University Ranking* atau *QS World University Ranking by Subject* mengikut tahun permohonan;
3. Pemohon hendaklah **bebas daripada status peminjam tegar** Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) dengan mengemukakan bukti pemotongan gaji sekiranya berkaitan;
4. Program biasiswa SLAB ditawarkan bagi pengajian di peringkat **PhD atau setaraf sahaja**;

Laman web: <http://pendaftar.uitm.edu.my>



Certified to ISO 9001:2008
 Cert. No.: AR 3347


Certified to ISO 9001:2008
 Cert. No.: MY-AR 3347

Surat Kami : 500-BPD(BKK. 14/3/2/3)
Tarikh : **16 MAY 2017**

5. **Surat setuju terima dan dokumen perjanjian** perlu diserahkan kepada KPT selewat-lewatnya 14 hari dari tarikh surat tawaran. Pelajar-pelajar yang telah **bersejtuju menerima tawaran** penajaan tetapi gagal mengemukakan dokumen lengkap dalam tempoh yang telah ditetapkan atau menarik diri sebelum memulakan pengajian akan **disenarai hitam** daripada memohon tajaan di bawah KPT sebanyak **tiga (3) kali penawaran baharu**;
 6. Pelajar-pelajar yang telah diluluskan penajaan hendaklah **memulakan pengajian dalam tempoh 12 bulan** dari tarikh surat tawaran;
 7. Bagi pelajar yang telah memulakan pengajian terlebih dahulu, Kementerian hanya menanggung perbelanjaan yang berkaitan bagi semester semasa dan seterusnya sahaja;
 8. Kemudahan PhD seperti perbentangan kertas kerja di persidangan antarabangsa, penyelidikan di luar negara atau pulang ke Malaysia bagi tujuan kutipan data hendaklah ditanggung oleh majikan masing-masing sekiranya diperlukan; dan
 9. Tiada pelanjutan penajaan Biasiswa SLAB/SLAI/SKPD kepada semua penerima biasiswa yang sedang dan akan mengikuti pengajian.
3. Sehubungan itu, YBhg. Datuk/Datin/Prof/Tuan/Puan dipohon untuk memaklumkan mengenai garis panduan ini kepada calon dan pemegang biasiswa staf akademik serta Tenaga Pengajar Muda di PTJ masing-masing. Sebarang pertanyaan boleh dirujuk kepada Bahagian Kemajuan Kerjaya, Pejabat Pendaftar.
4. Atas kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Datin/Prof/Tuan/Puan mengenai perkara ini diucapkan terima kasih.

Sekian.

Yang benar



AZIDA AZMI
Pendaftar